

NASKHAH PERCUMA

قربانن كما جوان اقتصاد نكري كلنتن

PKINK



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH BIL 1 / JANUARI - MAC 2012 www.pkink.gov.my



SUNGAI TERAH

Miliki Aset Hampir RM300 juta


► MS 5

Kelantan Laksana
Pengurusan
Pertanian
Berakauntabiliti
► MS 12

PKINK Main
Utama Peranan
Bangunkan
Kelantan
► MS 16

Kejujuran:
Kualiti
Terhebat
Pemimpin
► MS 30






“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”
(Surah al-Baqarah: 289).



- | | | | |
|-----------|--|-----------|---|
| 4 | Sidang Editor & Dari Meja Ketua Editor | 21 | Panduan Pemasaran Pengusaha IKS |
| 5 | Sungai Terah Miliki Aset Hampir RM300 juta | 25 | Industri Burung Walet |
| 10 | Pekerja Hargai Sumbangan Ladang Sungai Terah | 28 | Kelantan Anjur Eskpo Perdagangan Industri Kreatif Islam |
| 12 | Kelantan Laksana Pengurusan Pertanian Berakauntabiliti | 28 | Usahawan PKINK Sertai Pesta Pulau Pinang |
| 16 | PKINK Main Utama Peranan Bangunkan Kelantan | 30 | Kejujuran: Kualiti Terhebat Pemimpin |
| 18 | Berita Bergambar | 32 | Kursus Induksi Anggota Baru PKINK |
| 20 | Kelkon Membantu Memacu Pembangunan Kelantan | 33 | Abseiling 46 KSEDC Catat Sejarah |
| 20 | Kerajaan Negeri hargai Jasa Khairul Fahmi | 34 | ADUN Kelantan Ikat PKINK |
| | | 34 | Pasukan Ketua Eksekutif Menang Bergaya |





SIDANG EDITOR

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah
Ketua Eksekutif

KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain
*Penolong Pengurus Pengurusan
Sumber Manusia*

WARTAWAN

A. Ubaidillah Alias
Tengku Petra Tengku Wook
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh
Pn. Zakiah bt. Mohamed
Pn. Hawa bt. M.Salleh
Ramli b. Hamzah

JURUGAMBAR / PENGEDARAN

Tuan Hissam Tuan Mamat

PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri
Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani,
15710 Kota Bharu,
Kelantan

Tel: 09-7414141

Fax: 09-7414069

PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

Selembar Amanat

Dari meja Ketua Editor

Allah SWT berfirman dalam surah Yusuf ayat 55 maksudnya : Yusuf berkata “*Jadikanlah aku sebagai pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir). Sesungguhnya aku seorang penjaga yang sebaik-baiknya serta mengetahui cara mentadbirkannya.*”

Ayat di atas mengajak kita memahami beberapa asas utama dalam memacu ekonomi sesebuah negeri mahupun Negara. Asas tersebut ialah mempunyai sikap ‘Menjaga’. Iaitu jatidiri yang ampuh serta tegal dari sebarang korupsi, rasuah mahupun unsur ketirisan. Asas seterusnya ialah berilmu pengetahuan luas serta berkemahiran tinggi dalam urusan pentadbiran. Dengan asas ini PKINK bergerak seiring dengan Kerajaan Kelantan yang mengamalkan dasar Islam.

Dalam Belanjawan Negeri Kelantan tahun 1991, telah membentangkan hasratnya untuk membawa negeri Kelantan dan rakyatnya ke satu tahap pembangunan ekonomi dan pembangunan manusia yang seimbang. Sehubungan itu, Kelantan melaksanakan pembangunan negeri berasaskan Islam menerusi Dasar Membangun Bersama Islam (DMBI). Dasar ini telah merubah sikap dan juga spiritual sebahagian besar penjawat awam dan rakyat negeri Kelantan. Tidak hairan jika kerajaan Kelantan akhirnya mendapat pengiktirafan daripada Audit Negara sebagai Negeri yang terbaik dari aspek ketelusan dan integriti.

Perubahan demi perubahan terus dilaksanakan dalam mengembangkan ekonomi Bumi Serambi Mekah. Terbukti sudah sistem ekonomi Islam membawa kepada peningkatan hasil negeri Kelantan. Ia juga membawa Kelantan ke tahap pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang serta memberangsangkan, berbanding sebelum perlaksanaannya.

Pelbagai usaha sedang dan akan dijalankan bagi mencapai tujuan tersebut dan PKINK menyambut baik usaha dalam membangun ekonomi rakyat Kelantan. Semoga Kelantan terus maju di bawah Dasar Membangun Bersama Islam ini dan Kelantan Terus Menerajui Perubahan.

Sekian, terima kasih.



SUNGAI TERAH

miliki aset hampir RM300 juta

PENEMPATAN di Ladang Sungai Terah sebelum ini sukar dihubungi. Hanya kenderaan pacuan empat roda sahaja boleh sampai di situ ketika musim hujan. Jalan berselut, licin dan berbatu tidak sesuai menggunakan kenderaan biasa.

Manakala pada musim kemarau pula debu berterbangan sehingga menyebabkan rambut menjadi seperti kemerahan. Mangsa kepada keadaan ialah penunggang motosikal. Bagaimanapun kesuburan buminya menyebabkan masih ada manusia sanggup mendiami kawasan itu. Ketika mula-mula diteroka pada 1973 lokasi berkenaan merupakan kawasan hutan tebal, tempat binatang liar berkeliraran mencari makan.

Tidak ramai yang sanggup keluar malam untuk ke bandar Gua Musang. Jalannya merupakan laluan lori balak.

Namun potensi menjana ekonomi perladangannya cukup tinggi. Selepas kayu-kayu balak ditebang, kawasan

hutan dibersihkan dan kayu-kayu yang tidak ada nilai komersial dibakar.

Kerajaan negeri di bawah Dato' Muhd Asri Muda mendapati buminya begitu subur. Lagi pun berhampiran kawasan terbabit kerajaan PAS sudah mewujudkan Rancangan Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTN).

LKTN Meranto dibuka pada 1968 membabitkan kawasan seluas 1,509 ekar. Setahun sebelum itu rancangan tanah serupa dibuka di Jelawang seluas 1,330 ekar dan Limau Kasturi (4,000 ekar).

Manakala di Sungai Terah pula dibuka rancangan LKTN seluas 3,000 ekar pada 1971. Penempatan peneroka diwujudkan di Kampung Lembaga tidak jauh dari Bandar Gua Musang. Kini penempatan tersebut menjadi perkampungan moden yang lengkap dengan segala kemudahan asas termasuk sekolah.

Pada 1973 kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad

Negeri Kelantan (PKINK) membuka ladang getah di Ladang Kelasa dan Subong, Gua Musang. Ladang Kelasa membabitkan kawasan seluas 2,665 hektar dan Ladang Subong pula seluas 2,993 hektar. Kemudian pada 1980 keluasan ladang getah ditambah menjadi 6,400 hektar (16,000 ekar).

Bermula dari situlah Syarikat Ladang Sungai Terah mulai dikenali ramai. Ramai penduduk tempatan berpeluang mencari rezeki dengan bekerja di Ladang Sungai Terah. Mereka menjadi penoreh dan ada juga bekerja di bahagian ladang serta kilang.

Lokasi ladang begitu luas memanjang daripada jalan menghala ke Sungai Betis sehingga ke jalan Meranto-Jelawang. Ladang tersebut dilengkapi dengan kemudahan mesin memproses susu getah. Di kawasan tersebut juga yang terletak kira-kira 500 meter dari jalan Gua Musang-Jelawang disediakan bangunan pejabat pentadbiran dan rumah pekerja. 🏠

Deretan rumah pekerja disediakan bagi memudahkan penoreh dan pekerja kilang tanpa perlu berulang alik dari bandar Gua Musang. Keadaan jalan tanah merah yang berselut dan berdebu menyebabkan perjalanan dari Gua Musang ke Ladang Sungai Terah mengambil masa hampir sejam ketika itu.

Bagaimanapun sekarang dengan adanya jalan tar yang menghubungkan Jeli-Gua Musang mempercepatkan lagi perjalanan.



Haji Zazali Japar

LST LATEX CONCENTRATE

Ladang Sungai Terah juga memiliki kilang memproses susu getah iaitu LST Latex Concentrate yang terletak kira-kira 3 km daripada pejabat operasi di Sungai Terah. Susu mentah yang dipunggut daripada ladang diproses di kilang berkenaan bagi mengasingkan susu mentah dengan kandungan air.

Susu getah diangkut dari Ladang Subong menggunakan traktor. Susu kemudian disedut memasuki dua tangki yang mampu memuatkan lima tan metrik susu getah. Susu getah tersebut kemudian dicampur dengan bahan kimia dan keesokan

BERALIH KEPADA KELAPA SAWIT

Selepas pentadbiran kerajaan negeri bertukar tangan pada 1990, Ladang Sungai Terah menjadi penyumbang penting kepada pembangunan kawasan Kelantan selatan. Lagi pun Ladang Sungai Terah satu-satunya syarikat milik kerajaan negeri yang mengendalikan ladang getah ketika itu.

Bagi memastikan pulangan hasil lebih tinggi, Ladang Sungai Terah mengambil langkah bijak dengan menukar tanaman getah kepada kelapa sawit sedikit demi sedikit.

Bermula pada 1997 selepas syarikat itu mendapat pengurus besar baru, tanaman sawit diperkenalkan. Haji Zazali Japar, graduan lepasan UPM mula merintis projek tanaman komoditi baru menggantikan getah. Pengalamannya bekerja selama 15 tahun dengan syarikat perladangan yang disenarai di Bursa Saham Malaysia memberi kelebihan kepadanya.

“Bermula dengan kawasan seluas 1,000 ekar pokok getah yang sudah tua ditebang dan diganti pula dengan tanaman kelapa sawit.

“Kayu-kayu getah yang ditebang mendapat pasaran yang tinggi. Lagi pun ketika itu harga semasa getah masih rendah. Ini menyebabkan prestasi syarikat agak kurang memberangsangkan.

“Melalui penjualan kayu-kayu getah yang ditebang pendapatannya digunakan bagi menanam

kelapa sawit,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Sungai Terah baru-baru ini.

Bagaimanapun selepas pokok sawit yang ditanam mengeluarkan hasil, Ladang Sungai Terah mulai menikmati keuntungan operasi bermula pada 1999. Ketika itu untung bersih diperolehi sebanyak RM4.3 juta, berbanding kerugian sebanyak RM12.9 juta tahun sebelumnya.

Ladang Sungai Terah sekarang mempunyai ladang seluas 17,000 hektar (40,000 ekar) yang terletak di Gua Musang dan Jeli. Ladang sawit mencakupi 70 peratus daripada keluasan ladang dimilikinya. Dan selebihnya ladang getah. Tanaman getah dikekalkan di Ladang Subong yang meliputi 55 peratus daripada keluasan ladang berkenaan.

Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd mengurus empat ladang iaitu Ladang Kelasa seluas 2,665 hektar, Ladang Subong (2,993 hektar), Ladang Nenggiri (4048 hektar) dan Ladang Kuala Balah (2,101 hektar).

Selain itu tiga ladang terletak di Jeli iaitu Ladang Tapis seluas 1,889 hektar. Ladang berkenaan diurus di bawah Ladang Tapis Sdn Bhd. Dua lagi ladang diurus di bawah Ladang Rakyat Lubuk Bongor Sdn Bhd iaitu Lubok Bongor 1 seluas 1,955 hektar dan Ladang Rakyat Lubuk Bongor II (1,476 hektar).

Ladang Sungai Terah mensasarkan memiliki ladang seluas 50,000 ekar pada 2015 bagi memantapkan lagi syarikat.

harinya diproses bagi mengasingkan kandungan air menggunakan mesin teknologi Sweden. Setiap hari kira-kira 20,000 susu mentah diproses di kilang berkenaan.

Selepas dua minggu susu mentah dihantar kepada pembeli. Sebelum ini susu mentah yang lebih dikenali sebagai latex concentrate diekspor ke beberapa negara termasuk India, Korea Selatan, China dan Itali.

Malah Pusat Nuklear Negara menandatangani kontrak dengan Ladang Sungai Terah bagi membeli 400,000 tan metrik susu mentah dalam tempoh tiga tahun bagi tujuan penyelidikan.

LST Latex Concentrate diketuai pengurusnya, Haji Zainuddin Daud dan dibantu 14 pekerja. Kilang terbabit dibina pada 1990 membabitkan kos sebanyak RM4 juta.

Zainuddin ketika ditemui berkata, kilang berkenaan akan dipertingkatkan lagi mesin memproses susu apabila getah klon balak yang ditanam di Ladang Nenggiri seluas 4,048 hektar mengeluarkan hasil tidak lama lagi.

Getah klon balak mampu

mengeluarkan susu kira-kira 70 peratus dan 30 peratus lagi digunakan untuk industri balak. Ladang tersebut terletak di Meranto dan boleh ditebang sebagai balak selepas 15 tahun mengeluarkan susu getah. Batang getah dijangka membesar sehingga sebesar pemeluk selepas berusia 30 tahun.

“Projek berkenaan merupakan sebahagian daripada program penghijauan hutan dengan kerjasama

Jabatan Perhutanan Kelantan. Ia ditanam di kawasan hutan simpan.

“Syarikat Ladang Sungai Terah membuat pelaburan kira-kira RM70 juta bagi membangun projek berkenaan yang dimulakan pada 2009. Pokok getah yang ditanam dijangka dapat ditoreh kira-kira enam tahun lagi.

“Di kawasan itu juga akan dibina rumah pekerja. Seramai 2,000 penoreh berpeluang mencari rezeki di ladang berkenaan apabila mengeluarkan hasil nanti,” ujar Zazali.

Getah yang dikeluarkan juga sebahagian dijadikan pok (tongkol). Hasil getah yang dikeluarkan sekarang memberi pulangan kepada Ladang Sungai Terah kira-kira RM1 juta sebulan, manakala ladang sawit mengeluarkan hasil lebih RM3 juta sebulan.

Bagaimanapun apabila tujuh ladang sawit mengeluarkan hasil, Zazali menjangka pulangan hasil sawit akan mencecah kira-kira RM8 juta sebulan.

Tenaga kerja di ladang getah sekarang seramai 200 orang, di mana 70 peratus daripadanya ialah buruh kontrak dari Indonesia.

Selain itu terdapat seramai 200 lagi tenaga buruh yang bekerja di ladang sawit, di mana kesemuanya dari Indonesia.



Menteri Besar melawat Ladang Sungai Terah, Gua Musang pada 1992.



Pokok kelapa sawit hidup subur di Ladang Sungai Terah.



DASAR BERKEBAJIKAN

Syarikat Ladang Sungai Terah merupakan syarikat induk kepada Kumpulan Perladangan PKINK. Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember lalu Ladang Sungai Terah mempunyai aset bersih sebanyak RM294.5 juta. Jumlah itu meningkat berbanding RM269.9 juta untuk tempoh kewangan tahun sebelumnya.

Aset tersebut termasuk hartanah, loji dan peralatan bernilai RM92 juta, aset biologi RM134 juta dan pelaburan RM100,000.

Zazali juga berkata, Ladang Sungai Terah sejak 2006 sehingga tahun lepas membayar sewa tanah kepada Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat sebanyak RM13 juta. Jumlah tersebut merupakan bayaran sewa membangunkan ladang di tanah milik Ladang Rakyat di Lubuk Bongor I dan

Lubuk Bongor II.

Ladang Sungai Terah juga menyumbang kepada Tabung Serambi Mekah setiap tahun sebagai bantuan sosial untuk membantu rakyat yang ditimpa musibah. Sejak 2005 sehingga tahun lepas sebanyak RM650,000 telah disumbang bagi mengisi tabung berkenaan.

Sumbangan lain kepada Tabung Perumahan Rakyat Miskin, zakat dan dividen, manakala bayaran hutang PKINK sebanyak RM49.5 juta sejak 2005 sehingga tahun lepas.

Lebih membanggakan lagi setiap tahun Ladang Sungai Terah membayar bonus kepada kakitangannya yang berjumlah 140 orang.

Dan tahun ini kakitangan diberi bonus 11 bulan gaji. Manakala tahun lepas lapan bulan gaji. "Bayaran bonus diberi bergantung kepada prestasi kewangan syarikat. Kedudukan sekarang memberangsangkan disebabkan faktor harga sawit dan getah melambung tinggi di pasaran.

"Bonus diberi sebagai menghargai jasa dan keringat kakitangan yang menjadi faktor utama perkembangan syarikat," ujar Zazali.

Elemen berkebakikan juga dapat dilihat apabila Ladang Sungai Terah menganugerahkan lot rumah kepada kakitangan yang berkhidmat lebih 10 tahun. Setiap satu lot bernilai kira-kira RM20,000 berdasar kepada penilaian semasa.

Baru-baru ini seramai 83 kakitangan dan bekas kakitangan mendapat surat hak milik lot kediaman yang disampaikan Pengerusi Lembaga Pengarah Ladang Sungai Terah.

Kawasan seluas 100 ekar bekas tapak ladang getah telah disodok dijadikan lot-lot rumah pada 2003. Keluasan tersebut membolehkan 300 lot rumah disediakan dengan keluasan 1/5 ekar bagi setiap lot.

Lebih menarik lagi apabila syarikat turut menyediakan kemudahan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM50,000 bagi membolehkan

KUMPULAN PERLADANGAN PKINK

Selepas Ladang Sungai Terah berkembang pesat daripada memiliki dua ladang pada awal kewujudan kepada tujuh ladang sekarang menyebabkan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) mewujudkan entiti perniagaan yang lebih mantap. Dan pada 2010 Kumpulan Perladangan PKINK Bhd ditubuhkan.

"Tumpuan aktiviti perladangan sawit dan getah.

Visinya menjadi peneraju utama dalam bidang perladangan dan industri hiliran di Kelantan yang mampu berdaya saing di peringkat nasional," kata Zazali yang juga bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Kumpulan Perladangan PKINK bertanggungjawab secara langsung kepada PKINK. Di bawahnya terdapat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd yang mengendalikan Ladang Kelasa, Subong, Nenggiri, Kilang Sawit Tapis, Ladang Kuala Balah dan LST Latex Concentrate.

Selain itu Ladang Tapis Sdn Bhd pula mengurus Ladang Tapis. Ladang Lubuk Bongor Sdn Bhd mengurus operasi Ladang Lubuk Bongor 1 dan Ladang Lubuk Bongor II di Jeli.

Lembaga Pengarah Kumpulan Perladangan PKINK Bhd diketuai Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah. Ahli lembaga lain iaitu Zazali dan Hajah Nik Farzimar Nik Omar.

Pegawai kanan lain iaitu Nazura Zakuan sebagai pengurus kewangan dan pentadbiran, Suhaimi Harun (pengurus Ladang Kelasa), Ibrahim Ismail (pengurus ibu pejabat), Norhazli Che Ahmad (pengurus Ladang Nenggiri), Haji Mohd Ghazi Nawawi (pengurus Ladang Subong).

Haji Zainuddin Daud (Pengurus Kilang Latex Concentrate), Wan Hussin Wan Ismail (pengurus projek), Zulkaple Saaid (pengurus Ladang Tapis), Suhaimi Ibrahim (pengurus Ladang Lubuk Bongor I), Mohd Shukri Che Wil (pengurus Ladang Kuala Balah) dan Zukimans Zulkifli (pengurus Ladang Lubuk Bongor II).

Sehingga kini Kumpulan Perladangan PKINK mengurus ladang seluas 17,127 hektar yang terletak di jajahan Gua Musang dan Jeli.



kakitangan yang mendapat lot membina kediaman mereka.

Sementara itu ketika tinjauan di kawasan perumahan terbabit didapati suasana seperti perkampungan baru, di mana terdapat banyak banglow milik kakitangan Ladang Sungai Terah.

Kawasan perumahan tersebut juga dilengkapi dengan sebuah pusat asuhan kanak-kanak, kelas Pasti dan masjid. Dewan serbaguna pula dibina bersebelahan pejabat operasi disiapkan pada 2009 membabitkan kos sebanyak RM1 juta.

Tapak kelas Pasti disumbang Ladang Sungai Terah dan pembinaannya membabitkan kos RM80,000. Selain itu turut disediakan dua unit rumah tetamu di belakang pejabat operasi. Lima buah rumah kakitangan juga sedang dalam pembinaan.

Koperasi milik kakitangan Ladang Sungai Terah pula membina 15 unit kedai yang diberi sewa kepada ahli dengan kadar RM200 sebulan. Koperasi juga menternak lembu di mana sekarang memiliki 500 ekor.

Syarikat perladangan berkenaan juga menyediakan dua imam dan seorang bilal yang bertugas sepenuh masa di masjid dan pejabat pentadbiran syarikat.

“Syarikat turut mengutamakan pengambilan kakitangan yang mempunyai kelulusan dalam bidang agama. Mereka boleh menjadi imam solat dan mengajar agama kepada pekerja di ladang pada sebelah malam.

“Kami juga mengadakan program solat sunat dhuha seminggu sekali membabitkan semua kakitangan. Kelas fardhu ain juga diadakan di masjid dan surau-surau yang dibina di kawasan ladang. Penekanan agama diutamakan bagi memantapkan lagi kakitangan dan pekerja di ladang.

“Sebab itulah di setiap kawasan perumahan pekerja turut disediakan surau bagi membolehkan mereka menunaikan solat dengan selesa dan mengikuti kuliah agama,” katanya.



Masjid Ladang Sungai Terah terletak di tepi jalan Gua Musang - Jeli.



Banglow yang disediakan khas untuk tetamu.

KILANG SAWIT DI JELI

Ladang Sungai Terah juga maju setapak lagi apabila merancang membina kilang sawit dan penempatan pekerja di Jeli tidak lama lagi. Kemudahan tersebut di kawasan seluas 22 hektar membabitkan pelaburan keseluruhan sebanyak RM45 juta.

Zazali berkata, pembinaan kompleks kilang berkenaan membabitkan kos RM43 juta.

“Kumpulan Perladangan juga akan membina jalan tar masuk ke tapak kilang sejauh 4 km melibatkan kos RM9 juta dan bayaran pampasan tanah kepada penduduk RM1 juta.

“Di kawasan kilang juga akan dibina kompleks perumahan dan pejabat pentadbiran Ladang Tapis Sdn Bhd serta surau.

“Sehubungan itu satu majlis menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat dari Kuala Lumpur bagi membina kilang akan diadakan di sebuah hotel di Kota Bharu pada Mei 2012,” katanya.

Beliau berkata, pembinaan kilang sawit terbabit dijangka siap pada awal 2014. Dan apabila beroperasi kelak berupaya memproses buah

sawit 30 tan sejam. Selepas itu akan dipertingkatkan keupayaannya memproses sawit kepada 45 tan sejam.

Kilang berkenaan juga akan memberi manfaat kepada ladang yang terdapat di sekitar Jeli, antaranya Ladang Rakyat Lubuk Bongor I dan Lubuk Bongor II, Ladang Tapis dan Ladang Kuala Balah.

Selain itu terdapat ladang milik agensi lain iaitu Ladang Rakyat Sokor, Ladang Focus Bonanza, Ladang Bunga Tanjung dan Blok DO.

Bagaimanapun buah sawit yang dikeluarkan ladang di Gua Musang diproses di kilang milik swasta yang beroperasi di tapak milik Ladang Sungai Terah. Sawit yang dipungut sekarang kira-kira 50,000 tan metrik sebulan.

Berdasar kepada perkembangan memberangsangkan tersebut Kumpulan Perladangan PKINK kini mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan agensi-agensi lain di luar Kelantan. Antara agensi terbabit Kulim milik Johor Corporation Bhd, TDM di Terengganu dan syarikat perladangan milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. 🍌



PEKERJA *hargai sumbangan* LADANG SUNGAI TERAH

JARANG sekali kedengaran ada syarikat sanggup mengecilkan saiz ladang semata-mata bagi menyediakan lot rumah secara percuma kepada pekerjajanya. Apa yang sering kita dengar selepas pencen pekerja terpaksa keluar daripada rumah ladang dan menyewa di tempat lain.

Namun berlainan dengan Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik kerajaan negeri. Kawasan ladang seluas 100 ekar yang pernah subur dengan tanaman getah disodok dan diratakan pada 2003. Kawasan itu kemudian diukur dan dijadikan lot-lot kediaman.

Sebanyak 300 lot diwujudkan dengan keluasan setiap satu kira-kira satu perlima ekar. Kalau dahulu kawasan berkenaan merupakan ladang getah, sekarang sudah menjadi penempatan tersusun, lengkap dengan jalan dan kemudahan asas lain. Lebih mengujakan lagi boleh dikatakan hampir kesemua rumah dibina jenis banglow.

Inilah sebenarnya sebahagian daripada program berkebakajian yang dilaksanakan kerajaan Kelantan. Setiap lot terbabit berharga antara RM15,000 hingga RM20,000 mengikut nilai semasa.

Dan sehingga kini seramai 83 kakitangan dan bekas pekerja mendapat lot tersebut. Lebih menarik lagi mereka juga memiliki geran hakmilik lot berkenaan yang disampaikan Pengerusi Lembaga Pengarah Ladang Sungai Terah, Dato' Haji Omar Mohammad awal April lalu.

Pengurus Besar Ladang Sungai Terah, Haji Zazali Japar berkata, pihak syarikat juga menyediakan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM50,000 kepada kakitangan bagi membolehkan mereka membina rumah.

“Lot rumah dianugerah kepada mana-mana kakitangan yang sudah berkhidmat lebih 10 tahun. Sehingga sekarang seramai 83 kakitangan dan bekas kakitangan memiliki lot tersebut,” katanya.



Jumlah kakitangan Ladang Sungai Terah sekarang seramai 140 orang. Penempatan tersebut agak strategik memandangkan tidak jauh daripada pejabat operasi Ladang Sungai Terah, sekolah dan masjid.

Selain mendapat lot percuma, kakitangan juga diberi bonus 11 bulan gaji tahun ini, ekoran prestasi syarikat yang memberangsangkan. Malah tahun sebelumnya syarikat juga memberi bonus sembilan bulan gaji.





Rosnani Abdullah



Rosnani Abdullah



Che Ali Senik



Musa Ibrahim

Berdasar kepada kebajikan tersebut maka tidak hairanlah ramai kakitangan biar pun berasal dari Kota Bharu kini memilih untuk terus bermestautin di Gua Musang. Kehidupan mereka lebih bermakna lagi kerana memiliki rumah sendiri.

Pegawai bahagian akaun Ladang Sungai Terah, Rosnani Abdullah, 41 yang berasal dari Berek 12 memberitahu beliau memilih untuk terus tinggal di Gua Musang kerana sudah memiliki kediaman sendiri.

“Biar pun suami bekerja di Kota Bharu, namun saya dan lima anak tinggal di Sungai Terah. Suami berulang alik ke sini pada hujung minggu. Lagi pun sekolah pun ada di sini,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Rumah dibinanya dua tahun lalu kini siap sepenuhnya. Banglow tersebut dibina dengan kos kira-kira RM200,000. Beliau juga meluahkan rasa gembira bekerja di Ladang Sungai Terah kerana aspek kebajikan diutamakan pihak pengurusan. Beliau yang sudah 16 tahun berkhidmat di Ladang Sungai Terah mengakui Kelantan sebuah negeri yang benar-benar berkebijakan.

Rakannya, Siti Aisyah Md Noor, 45 kerani pentadbiran berasal dari Pengkalan Chepa turut memilih untuk terus tinggal di Gua Musang. Lebih-lebih lagi suaminya, Fauzi Che Had juga bertugas di syarikat sama sebagai

“Saya panjatkan rasa syukur tidak terhingga kerana pihak pengurusan memberi lot secara percuma. Mungkin anugerah ini tidak ada di tempat lain,” – Siti Aisyah Md Noor, kerani SLST

penyelia ladang. Beliau mendapat lot rumah pada 2005 selepas memulakan karier di Ladang Sungai Terah pada 1988. Kini Siti Aisyah berbangga kerana sudah memiliki rumah sendiri berharga RM200,000 yang disiapkan Julai tahun lepas. Sedangkan sebelum ini beliau dan keluarga tinggal di rumah ladang tidak jauh dari kilang memproses getah. Namun sekarang lokasi rumah lebih strategik dan tidak jauh daripada jalan utama.

“Saya panjatkan rasa syukur tidak terhingga kerana pihak pengurusan memberi lot secara percuma. Mungkin anugerah ini tidak ada di tempat lain,” ujarnya. Beliau tidak mampu menyembunyikan rasa sayangnya kepada syarikat berkenaan.

Perasaan yang serupa juga diluahkan bekas pekerja Sungai Terah, Che Ali Senik, 61. Beliau pencen daripada perkhidmatan di ladang pada 2005. Sebelum ini bekerja sebagai mandor ladang. Sekarang mengisi masa lapang bekerja sebagai jaga di sekolah.

“Saya juga berterima kasih kepada Ladang Sungai Terah kerana isteri, Azizah Omar dan dua anak iaitu

Basruddin dan Mohd Fitri juga bekerja di Ladang Sungai Terah,” katanya.

Che Ali mulai bekerja di ladang berkenaan pada 1985, berasal dari Kampung Bunuhan, Tumpat. Kini gembira tinggal di penempatan baru biar pun agak jauh dari bandar Gua Musang.

Beliau juga memiliki sebuah rumah yang kini menjadi tempat beliau dan lapan anak berteduh. Rumah tersebut dibina dengan kos kira-kira RM40,000.

Seorang lagi bekas mandor ladang, Musa Ibrahim, 57 berasal dari Bukit Abal, Pasir Puteh turut memiliki lot rumah. Abangnya Ashaari juga pernah bekerja di ladang berkenaan. Dua anaknya iaitu Mohd Zaki dan Mohd Shukri juga bekerja di Ladang Sungai Terah.

Ketika menamatkan per-khidmatan tahun lepas beliau diberi sagu hati oleh pihak pengurusan sebanyak RM43,000 dan mempunyai carumah wang simpanan pekerja sebanyak RM80,000. Beliau juga memiliki sebuah rumah dengan kos kira-kira RM50,000. “Penat lelah kita selama ini dihargai kerajaan negeri dan pihak ladang,” katanya. 🍌



KELANTAN LAKSANA PENGURUSAN PERTANIAN BERAKAUNTABILITI

SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Kerajaan Negeri Kelantan berusaha membangun 'sistem penyampaian perkhidmatannya' membabitkan agensi dan sektor awam khususnya dalam pengurusan personel di samping membangun sistem pelaksanaan kerja yang berkesan bagi mencapai tadbir urus yang baik (*good governance*).

Dan dalam masa sama diyakini mampu mengurangi kejadian jenayah, membanteras rasuah dan diskriminasi dalam masyarakat, bahkan menerapkan sikap urus tadbir yang berintegriti.

Kerajaan Negeri juga menekankan sistem penyampaian "*Delivery System*" dalam perkhidmatan yang cekap dan efisien.

Menekankan aspek transformasi dalam Perkhidmatan Awam dilaksanakan di semua peringkat samada Negeri atau Persekutuan, selain aspek '*house keeping*' terhadap tugas-tugas rutin yang dilaksanakan oleh semua kakitangan pada setiap bahagian.

Selain itu, Kerajaan membangunkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), akauntabiliti dan keutuhan pengurusan di samping pengurusan sumber manusia.

Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan termasuk usaha mengurangkan kerehnan birokrasi dengan mempermudah dan memperkemas sistem dan prosedur kerja, memantapkan pentadbiran daerah dan tanah serta mengukur prestasi berasaskan Petunjuk Utama Prestasi (KPI).



KONSEP PERTANIAN NEGARA

Kerajaan juga menerusi Dasar Pertanian menggubal dasarnya itu dengan objektif memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggabungan sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan supaya sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat dipergiatkan semula.

Memaksimumkan pendapatan pengusaha/pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan selain kualiti hidup keluarga diperbaiki.

Adalah menjadi objektif Dasar Pertanian juga memaju dan meningkatkan hasil serta mutu komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport dan komoditi terpilih untuk bahan makanan dan perindustrian.

DASAR PERTANIAN NEGERI

Matlamat Dasar Pertanian bagi memaksimumkan pendapatan daripada pertanian berasaskan kecekapan pengeluaran dan peningkatan daya pengeluaran melalui pemilihan tanaman yang menguntungkan di samping penggunaan teknologi moden secara cekap.

Mempergiat dan mengembangkan sektor pertanian menerusi pembangunan pertanian intensif, pengkomersilan dan pertanian berskala besar, menggalakkan penggunaan teknologi dan pengurusan moden dan menggalakkan lagi penyertaan sektor swasta dalam bidang pertanian komersil.

Matlamat dasar pertanian bagi menjadikan Kelantan sebagai 'Jelapang Makanan Negara' melalui peningkatan secara berlipatganda pengeluaran makanan dan pengeluaran hasil perikanan serta pembangunan kawasan Taman Industri Kecil dan Sederhana yang khusus bagi industri memproses makanan.

TEKNOLOGI LUAR NEGARA

Kerajaan Negeri bersedia mengkaji teknologi luar negara termasuk dari negara Cina dalam konteks pengeluaran benih dan baja khususnya bagi meningkatkan pendapatan penanam padi di negeri ini di samping perkhidmatan rundingan bagi memastikan pengeluaran hasil tani dan sawah mencapai sasarannya.

Hingga ini, antara syarikat itu menawarkan teknologi dalam pengeluaran benih dan baja, kedua-dua sumber itu boleh meningkatkan pengeluaran hasil padi di Kelantan.

Kerajaan negeri juga menawarkan kepada syarikat terbabit mengkaji bidang penternak bagi meningkatkan pengeluaran daging di Kelantan.

"Kedua-dua bidang itu menjadi matlamat kerajaan negeri yang kini terpaksa mengimpot daging dan beras," kata Menteri Besar Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz pada satu majlis baru-baru ini.

SKIM SUBSIDI BAJA PADI

Skim Subsidi Baja Padi diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak 1995, dengan membangunkan Kilang Baja Padi terletak di Wakaf Bharu.

Kilang itu hingga kini mengeluarkan sebanyak 110,000 beg baja kimia, dan 36,000 beg baja organik dan pengeluaran sejumlah tersebut ialah untuk 5,000 petani di



seluruh Kelantan.

Kilang ini terletak di Lot 1900, Jalan Kampung Bukit, Wakaf Bharu (bersebelahan stesen keretapi), di atas tapak seluas 2.5 hektar, tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM).

KONSEP PENGELUARAN BAJA PADI

Selaku baja padi Kerajaan Negeri, pengeluaran baja padi itu berfungsi sebagai 'penimbal' khususnya kepada petani dan peladang yang gagal mendapat subsidi baja daripada Kerajaan Persekutuan termasuk baja Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Skim Baja Padi Subsidi dikeluarkan Kerajaan Negeri adalah untuk seluruh petani yang layak mendapat baja tanpa mengira fahaman politik termasuk non-muslim.

Pengeluaran tidak melalui 'vendor', kerana pengurusannya bukan secara pesanan terbuka, bahkan 'pembeli'nya hanya Kerajaan Negeri.

Level dipakai (sejak 1990) bagi baja padi ini "Skim Baja Padi Kerajaan Negeri Kelantan" dengan beg warna putih yang dicop hurufnya hitam, melainkan baja itu 'campuran' yang tulisannya 'hijau', manakala baja 'uria' pula ditulis huruf warna merah.

Sementara beg baja organik pula ditulis huruf warna kuning dengan tulisan "baja organik".

Dasar Makanan Negara sebenarnya berkait rapat dengan 'baja', bahkan pengeluaran baja terutama 'baja organik' dalam usaha Kerajaan Negeri mahu mempertingkatkan lagi kualiti pengeluaran padi.

Namun antara 'baja kimia' dan baja organik mempunyai kelebihan tersendiri.



PERUNTUKAN KEWANGAN

Pada peringkat awal (sejak 1990), sejumlah RM5 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri bagi perbekalan baja kepada petani, dikeluarkan oleh Kilang Baja Wakaf Bharu.

Namun peruntukan tersebut menurun ke RM2 juta khususnya pada 2009 termasuk untuk pengeluaran baja camical dan organik.

Skim pemberian baja organik (sejak dikeluarkan pada 2012) kepada petani oleh Kerajaan Negeri, juga bersifat 'penimbal'.

Pengurangan peruntukan itu berasaskan kepada peranan pembahagian baja padi 'dimainkan' agensi Persekutuan kepada para petani, sama ada berfungsi dengan baik atau sebaliknya yang adalah Kerajaan Negeri 'selaku penimbalnya'.

Untuk 2012 Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi pengeluaran baja padi melalui peruntukan tambahan, melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) sebagai pembekal baja.

PELAKSANAAN

Kilang Baja Padi, Wakaf Bharu berperanan hanya mengeluarkan 'baja padi' Kerajaan Negeri.

Pengurusannya berdasarkan 'Standard Operating Procedures (SOP)', kilang baja ini kini telah diberikan taraf ISO.

Ini bermakna, pengeluaran mengikut 'standard' yang telah ditetapkan, mengikut kuota dengan mengambil kira keperluan Kerajaan Negeri.

Kilang Baja Padi, Wakaf Bharu ini mempunyai sebuah mesin 'manual' yang digunakan sejak 1988 dengan keupayaan pengeluaran baja padi sebanyak 30 tan per hari.

Buat masa ini, dengan peruntukan RM2 juta setahun adalah mencukupi, dengan keupayaan mesin yang ada.

Namun sekiranya berlaku peningkatan dalam peruntukan kewangan untuk operasi kilang ini atau telah bersedia untuk memasuki 'pasaran terbuka' membabitkan pengeluaran baja ini, ianya perlu ditambah mesin baru.



Operasi kilang ini lima hari seminggu (kecuali Jumaat dan Sabtu).

Kilang ini mempunyai kakitangan pengurusan terdiri dari seorang Eksekutif Operasi Kilang, seorang Penyelia Kilang, seorang Pegawai Kerani (Pentadbiran) dan seorang Pekerja Am.

Selain itu, bagi menjalankan kerja-kerja dalam kilang baja, pekerja diambil secara 'kontrak', manakala gaji/upah dibayar berdasarkan pengeluaran beras bagi satu-satu hari.



INDUSTRI PERTANIAN NEGERI

Dalam usaha membangun industri pertanian dan keusahawanan rakyat khususnya, Kerajaan Negeri mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kemahiran Negeri Kelantan (KESDEC), Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Ladang Sungai Terah, dan Ladang Rakyat 'Dataran Rabbuah' (DAMAI).

Selain itu, bagi meringankan bebanan rakyat, selaras dengan konsep Negeri Berkebakjikan, Kerajaan Negeri mewujudkan Skim Al-It'am iaitu Skim Bantuan Beras percuma untuk golongan miskin di Kelantan yang melibatkan peruntukan 2.5 juta dengan sasaran penerima ialah seramai lebih 8000 orang miskin.

BAJET KERAJAAN NEGERI 2012

Menerusi tema “Kesejahteraan Bersama Keberkatan”, Kerajaan Negeri membentangkan Bajet Negeri 2012 membabitkan penjana ekonomi, pembinaan Insan yang berteraskan Islam, pembelaan golongan daif dan miskin, orang kurang upaya, anak yatim, armalah dan warga emas dan mereka yang memerlukan.

SEKTOR PERTANIAN

Sektor pertanian masih merupakan sektor terpenting dalam menjana ekonomi Negeri Kelantan.

Kerajaan Negeri berusaha meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pertanian termasuk dalam pengeluaran bahan makanan berkualiti melalui agensi terbabit termasuk Jabatan Pertanian Negeri.

Program dirancang dijangka berkesan bagi meningkatkan pengeluaran hasil yang tinggi dan seterusnya memacu sektor pertanian ke arah pertumbuhan ekonomi Negara yang lebih baik.

Antara program utama pembangunan yang telah dirancang dan dilaksanakan dalam tahun RMK- 10 ialah Pembangunan Industri Padi.

Pada tahun 2012, RM2.30 Juta diperuntukkan di bawah Jabatan Pertanian Negeri, di samping peruntukan prasarana yang berkaitan pertanian turut diperuntukkan dibawah lain-lain agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri.

Program utama Jabatan Pertanian khususnya bagi pembangunan industri tanaman telah dilaksanakan secara berkelompok melibatkan keluasan 44,508 hektar tanah dengan bilangan peserta 35,851 orang dan dianggarkan mengeluarkan hasil sebanyak 10,000 metrik tan dengan nilai

yang dianggarkan sebanyak RM100.00 Juta.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), Program Pembangunan Tanah Terbiar terus diberi penekanan bagi memulihkan tanah terbiar di seluruh Negeri Kelantan dengan tanaman padi dan juga tanaman-tanaman lain seperti tembikai, sayur-sayuran, buah-buahan dan kelapa. Justeru itu,

Walaupun pengeluaran beras negeri mencukupi bagi keperluan dalam negeri dengan mencapai 155% Tahap Sara Diri (SSL), namun padi masih merupakan tanaman yang penting dan diberi keutamaan untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi di Negeri Kelantan bagi menyumbang ke arah mencapai Tahap Sara Diri (SSL) Negara kepada 86%.

Pembangunan Industri Padi yang telah dirangka dalam RMK9 telah berjaya menyumbang ke arah merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Hasrat ini juga akan diteruskan dalam RMK10 dengan berlandaskan “Bertani Satu Ibadat” untuk mengurangkan pergantungan kepada import bahan makanan dari luar Negara.

Pada tahun 2012 juga Kerajaan terus memperuntukkan sebanyak RM2.0 Juta bagi penyediaan subsidi baja padi kepada para petani dibawah kawalan Pejabat Pembangunan Negeri dan termasuk sebanyak RM500 Ribu bagi subsidi baja organik.

Sebanyak RM400 Ribu juga disediakan untuk program input pertanian, dan RM400 Ribu bagi program pertanian contoh dan galakan pertanian organik. Dengan terlaksananya pelbagai program pertanian yang berteraskan “Bertani Satu Ibadat”, produktiviti sektor pertanian insya’Allah, dapat ditingkatkan bagi merealisasikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara menjelang tahun 2015.

Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Kelantan agar agensi-agensinya termasuk Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) memainkan peranan yang lebih proaktif dan berkesan dalam usaha membangun rakyat dan negeri membabitkan sektor pertanian khususnya.



Oleh: **Nor Amizah Ahmad**

PKINK *main peranan* BANGUNKAN KELANTAN

Kini, pembangunan di Kelantan semakin pesat membangun selaras dengan misi negeri Membangun Bersama Islam. Gelaran negeri Kelantan sebagai negeri yang miskin dan mundur tidak lagi apabila terdapat banyak projek pembangunan dilaksanakan termasuk dalam sektor perumahan, infrastruktur dan bangunan pencakar langit yang telah dibina. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) merupakan salah satu badan berkanun yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam, untuk kesejahteraan Ummah.

PKINK dan beberapa anak syarikatnya yang terdiri daripada Binaraya, SPP Development Sdn Bhd, Sinaran Pantai Timur Consortium Bhd, Kelkon dan Prokel Management Sdn Bhd telah bergiat secara langsung dalam projek perumahan dan pembinaan. Terdapat banyak projek yang telah siap dibina dan projek dalam perancangan. Hampir seluruh jajahan di Kelantan telah dibangunkan dengan projek perumahan.

PKINK meneruskan lagi misinya membangunkan Kelantan melalui pelaksanaan beberapa projek pembinaan dan perumahan baru. Antara projek baru yang akan dijalankan ialah Apartment Perdana Resort. Projek ini terdiri daripada Walk Up Apartment 4 tingkat dan Service Apartment 8 tingkat. Dalam perancangan, akan dibina Water Theme Park di dalam tapak yang sama. Water Theme Park ini akan menjadi daya penarik pelancong dan orang ramai untuk bercuti dan berhujung minggu di sini.

Projek baru yang akan dibangunkan tidak lama lagi ialah D'Perdana Seri Cemerlang. Ia merupakan projek usahasama PKINK dan SPP Development. Projek ini akan didirikan di atas tanah seluas satu ekar yang menelan kos 45 juta. D'Perdana Seri Cemerlang ini mengandungi 251 unit pangsapuri 24 tingkat, 4 unit *penthouse* 2 tingkat, 8 unit kedai 4 tingkat dan tempat letak kereta bertingkat.

Selain itu, Kelantan akan terus dihujani dengan pembinaan melalui projek Pembangunan Pantai Irama Resort. Projek di lot PT 18 dan PT 19 di Pantai Irama Resort ini akan



D'Perdana Seri Cemerlang



dilaksanakan 12 blok hotel apartment 7 tingkat, 1 blok hotel 6 tingkat, 1 kolam renang, 1 blok dewan banquet, 1 rumah kelab dan 1 reception restoran. Ia akan menjadikan Pantai Irama satu tempat percutian dan pelancongan yang mampu menarik ramai pelancong dari luar dan sekaligus menjadikan negeri Kelantan negeri tumpuan pelancong.

Manakala, pembangunan juga ditumpu di kawasan Pasir Mas. Di Pasir Mas, PKINK dengan kerjasama ECER akan mengusahakan projek Halal Park di Lot PT 9942 yang terletak di sebelah kanan laluan ke Rantau Panjang.

Selain itu, antara projek besar PKINK di Jajahan Pasir Mas ialah projek perumahan APAM. Projek ini akan dibina di atas tanah lot PT5495 dengan keluasan 22 ekar yang mengandungi rumah teres dan semi-D. Manakala di PT7650 dengan keluasan 80 ekar akan didirikan 74 unit teres kos rendah, 384 unit teres 1 tingkat, 20 unit teres 2 tingkat, 74 unit banglo 1 tingkat, 90 unit banglo 2 tingkat dan 12 unit kedai 2 tingkat. Projek perumahan APAM ini berhampiran dengan projek Halal Park dan ia juga berdekatan dengan bandar baru Pasir Mas yang kini sedang giat dibangunkan. Pertumbuhan kawasan sekitar ini telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di Jajahan Pasir Mas.

Di samping itu, anak syarikat Kumpulan PKINK, iaitu Binaraya PKINK turut berperanan secara aktif untuk membangunkan projek perumahan di seluruh negeri Kelantan. Antaranya projek perumahan PKINK Machang (Fasa 5c) yang terdiri dari 10 unit rumah teres 2 tingkat, projek Taman Itqan Bukit Marak, Kota Bharu merangkumi 15 unit banglo 1 tingkat, projek Taman Kurnia Jaya Pengkalan Chepa melibatkan 1 unit rumah banglo 2 tingkat, 6 unit rumah berkembar 2 tingkat, dan 24 unit rumah teres 2 tingkat.

Selain di Bandar Kota Bharu, Binaraya juga melaksanakan projek perumahan di jajahan Tanah Merah dan Kuala Krai. Di Kuala Krai, projek perumahan akan didirikan di Desa Ar-Rahman yang mengandungi 34 unit rumah banglo satu tingkat dan 14 unit rumah berkembar satu tingkat. Manakala di Tanah Merah projek perumahan ditumpu di Taman Cahaya dengan pembinaan 16 unit rumah banglo satu tingkat. Tidak ketinggalan, di Jeli akan didirikan 45 unit rumah teres satu

tingkat di Taman Kifayah Binaraya. Projek-projek perumahan ini dapat membantu penduduk tempatan di luar bandar untuk memiliki rumah yang lebih selesa dan berpatutan.

Selain Binaraya, anak syarikat PKINK seperti Kelkon dan SPP Development juga aktif dalam pembangunan projek-projek perumahan baru. Kelkon antaranya terlibat dalam projek perumahan Sungai Mas Residen di Mukim Bakar Daerah Ulu Sat Machang. Projek tersebut mengandungi 20 unit banglo satu tingkat. Keistimewaan projek ini ialah kerana ianya berhampiran dengan Uitm Machang dan berbentuk evergreen, eksklusif dan moden.

Sebelum ini Kelkon juga telah membina laluan bertingkat di Pasir Mas yang telah siap dibina pada akhir tahun 2011.

Sementara itu, projek yang melibatkan SPP Development Sdn Bhd ialah pembinaan rumah kedai 2 tingkat yang berharga dari RM260 ribu hingga RM280 ribu di Taman Sri Remah, Tanah Merah.

Terdahulunya, SPP Development telah membangunkan projek perumahan di Selehong Utara, Tumpat yang terdiri daripada rumah banglo, rumah teres 2 tingkat dan teres satu tingkat. Perumahan di sini berkonsepkan senibina Melayu dengan elemen kotemporari gaya hidup golongan muda profesional. Namun begitu, ia masih mempunyai sifat kemelayuan yang mementingkan semangat kejiranan tanpa menghilangkan hak-hak privasi individu.

Melalui pembinaan dan projek perumahan yang telah dibina menjadikan negeri Kelantan sebuah negeri yang pesat membangun. Kelantan kelihatan sangat berbeza dibandingkan dengan 20 tahun yang lalu. Dengan adanya pembangunan, rakyat Kelantan semakin maju dan mampu berdaya saing dengan rakyat negeri lain. Orang luar juga mungkin akan menukar persepsi mereka terhadap Kelantan yang dulunya dikenali dengan negeri miskin dan mundur apabila Kelantan kini dihujani dengan deretan rumah baru serta moden, jambatan dan bangunan pencakar langit. Rakyat negeri Kelantan seharusnya bersyukur dengan kemajuan dan pembangunan Kelantan hari ini. Mereka juga mampu memiliki rumah dengan harga berpatutan dan lebih murah berbanding dengan negeri lain. 💰



EKSPO

Perdagangan Industri Kreatif Islam Antarabangsa



KONVENSYEN

Pra Mini PUM 2012



Sambutan Tahun Melawat Kelantan 2012





Sumbangan khairat kematian
KEPADA WARIS ANGGOTA PKB



PROGRAM GET MALAYSIAN
BUSINESS ONLINE



KERAJAAN NEGERI HARGAI
JASA KHAIRUL FAHMI





KELKON BANTU MEMACU PEMBANGUNAN KELANTAN

Oleh: **Kelkon Sdn Bhd**

KOTA BHARU – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Kelkon Sdn. Bhd. dan Ara Asa Property Management Sdn. Bhd. menandatangani satu Perjanjian Usahasama untuk memajukan Hotel dan Apartment setinggi 30 tingkat dikenali “MENARA SIREH” di Kg. Sireh, Kota Bharu, Kelantan pada 16 Februari lalu. Majlis berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama Kumpulan Kelkon.

Majlis ini dihadiri oleh pihak pengurusan dan pegawai PKINK, Ara Asa Property Management Sdn. Bhd. serta Kelkon Sdn. Bhd.

Perjanjian ini ditandatangani oleh En. Ng Wai Boon mewakili Ara Asa Property Management Sdn. Bhd., Tn. Hj. Sabri B. Abdullah bagi pihak PKINK dan Tn. Hj. Jawahir B. Dollah mewakili Kelkon Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat PKINK Sdn. Bhd.

Pembangunan komersil 30 tingkat ini bernilai RM100 juta akan dimulakan pada pertengahan tahun ini dan dijangka siap pada tahun 2015.



Dari kiri: Tn. Hj. Zainal B. Abd. Rahim, En. Ng Wai Boon, YB Wan Ismail B. Wan Jusoh, Tn. Hj. Jawahir B. Dollah, Tn. Hj. Mohd Sabri B. Abdullah

Perjanjian usahasama dengan rakan niaga baru ini diharapkan dapat membantu memacu pembangunan dan ekonomi Negeri Kelantan.

KERAJAAN NEGERI HARGAI JASA KHAIRUL FAHMI

Oleh: **Tuan Hissam Tuan Mamat**

PENKALAN CHEPA – Biarpun kerajaan negeri tidak menerajui Persatuan Bola Sepak Kelantan, namun ia tidak bererti kerajaan meminggirkan pembangunan bola sepak negeri.

Penganugerahan sebuah rumah yang bernilai hampir RM200 ribu kepada Penjaga Gol Kebangsaan yang juga kini salah seorang yang terbaik di Asia, Khairul Fahmi Che Mat oleh kerajaan negeri dilihat sebagai satu simbol bagi menghargai sumbangan pemain bola sepak dan atlet yang dapat menaikkan nama negeri Kelantan.

Rumah anugerah kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) itu diserahkan secara rasmi oleh Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini sebagai menghargai jasa dan kejayaan penjaga gawang terbabit.

Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul



Penyerahan replika kunci rumah kepada Khairul Fahmi oleh Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz.

Aziz berharap dengan penganugerahan sebuah rumah kepada Khairul, ia menjadi tanda penghargaan negeri kepada mana-mana rakyat yang telah dapat menaikkan nama negeri Kelantan tanpa mengira bidang.

“Sebelum ini, kerajaan juga ada memberi sebuah rumah kepada

pelajar cemerlang dalam SPM iaitu adik Nur Mardihah dan hadiah ini tidak setimpal jika nak dibandingkan dengan harganya, tetapi kita harus ingat walau berapa hargapun tetapi kalau ia adalah hadiah, ia amat bernilai kepada orang yang menerimanya” katanya lagi.

Bagi Khairul Fahmi pula, keluarganya menghargai pemberian kerajaan negeri terutamanya Tuan Guru Menteri Besar dan PKINK kerana sebelum ini mereka sekeluarga tidak pernah bermimpi untuk tinggal di rumah banglo.

“Ini juga sebagai hadiah hari lahir saya dan ia amat berharga dalam hidup saya kerana ia datangnya dari kerajaan negeri Kelantan sendiri”katanya.

Banglo tersebut terletak berhampiran rumah pelajar cemerlang SPM peringkat negara pada 2008, Nik Nur Madihah Nik Mohd Kamal.



PANDUAN STRATEGI PEMASARAN UNTUK PENGUSAHA KECIL PEMBUATAN MAKANAN HALAL

MUQADDIMAH:

Suatu penemuan menarik tentang pelbagai hasil kajian yang telah dijalankan berkaitan para pengusaha kecil dalam memasarkan hasil produk makanan halal mereka ke pasaran, ialah hampir kesemua penulisan tersebut memfokuskan kepada masalah pemasaran yang menjadi cabaran besar yang dihadapi oleh mereka. Kajian yang dihasilkan oleh Sazelin Arif daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), '*Keupayaan Pemasaran dalam Kalangan Pengusaha Kecil Makanan Halal di Melaka Tengah: Satu Kajian Awal*', MALIM Bil. 12 (2010), disiarkan berikutnya berdasarkan signifikansi kajian yang relatif daripada perspektif latar belakang dan saiz perniagaan serta mempunyai generalisasi kesimpulan yang representatif kepada masalah yang sama, yang turut dihadapi oleh pengusaha kecil makanan di Kelantan.

Walaupun analisis kajian terhadap keupayaan pemasaran responden adalah bersifat teknikal, namun secara amnya, beberapa saranan dan cadangan hasil kajian ini difikirkan relevan sebagai panduan kepada strategi pemasaran oleh Usahawan kecil dalam perniagaan makanan halal.

(Ringkasan dan ulasan Jurnal oleh Rusli bin Ismail)

Industri kecil dan sederhana (IKS) berupaya mengeluarkan barangan yang tidak dapat dikeluarkan oleh industri besar terutama yang bertaraf antarabangsa. Ini dapat dilihat khususnya dalam industri makanan dan minuman seperti pembuatan kicap, rempah ratus, sos, roti canai segera dan keropok yang tidak banyak mendapat perhatian oleh industri bersaiz besar. Secara tidak langsung industri yang

bertaraf kecil ini membolehkan setiap masyarakat yang berminat dalam perniagaan melibatkan diri mereka walaupun dengan modal yang kecil. Ini juga dapat memecahkan monopoli golongan kaya dan elit sahaja daripada menguasai bidang perniagaan.

Pengusaha kecil memerlukan pelaksanaan pengurusan yang lebih tersusun berbanding dengan firma besar kerana sumber tabungan

modal dan sumber pekerja yang terhad. Keberkesanan pelaksanaan pengurusan banyak bergantung kepada sikap para usahawan dan ilmu perniagaan yang dikuasainya terutama dalam memasarkan barangan mereka secara efektif. Panduan pemasaran yang dicadangkan ini adalah merupakan salah satu strategi pemasaran yang meletakkan empat elemen utama yang perlu dikawal oleh pengusaha. Empat elemen utama ini adalah berkait antara satu sama lain untuk menentukan kejayaan strategi pemasaran. Ia meliputi empat elemen berikut:

PRODUK

Produk merupakan barangan atau perkhidmatan yang hendak dijual kepada pembeli. Pengusaha harus menghasilkan produk yang secara fizikal boleh menarik perhatian dan menepati kehendak pengguna meliputi aspek kepelbagaian produk, kualiti, rekabentuk, ciri-ciri, jenama, pembungkusan, saiz, perkhidmatan, jaminan dan pulangan (Sabri 2005: 258). Jenama ialah nama, rangkai kata, rekabentuk, simbol, sebutan kepada sesuatu produk



digunakan untuk membezakan di antara satu produk dengan produk lain yang serupa. Pembungkusan pula berfungsi melindungi apa yang dijual, mempromosi dan membantu menentukan imej sesuatu produk. Perlabelan dapat membantu memberi maklumat kepada pengedar, peruncit dan pembeli tentang produk seperti tarikh dikilangkan, tarikh lupus serta maklumat penggunaan (Sabri 2005: 268-269).

Ketua Unit IKS FAMA dalam ucapannya menyatakan “Kebanyakan produk usahawan bumiputera ini mempunyai kualiti yang bagus, namun aspek pembungkusannya masih belum mencapai piawai

yang dikehendaki....” (Ucapan oleh En. Mohamad Nordin, Ketua Unit IKS FAMA, di Ekspo Industri Asas Tani di Ipoh, Disember 2007). Ini menunjukkan dalam aspek pemasaran pengusaha kecil, pembungkusan produk merupakan salah satu perkara penting yang perlu diberi perhatian. Pengusaha perlu mempunyai inisiatif untuk melaksanakan inovasi tertentu bagi mencapai tahap kesempurnaan produk yang hendak dijual. Sekali pun produk mempunyai kualiti yang baik, namun sekiranya aspek pembungkusannya tidak setanding, produk mungkin sukar bersaing, apatah lagi di peringkat internasional yang lebih luas persaingannya.

Penjenamaan, pembungkusan dan pelabelan adalah semuanya terkandung dalam penjagaan hak milik (harta) intelek. Untuk itu, kesedaran tentangnya amat penting. Para pengusaha kecil juga harus menyusun strategi dengan memasarkan produk yang pelbagai dengan tidak menumpukan satu produk barangan sahaja. Ini bagi memastikan pengusaha kecil bertahan lama di pasaran luar walaupun menerima saingan dari syarikat perniagaan besar atau barangan import. Para pengusaha kecil harus memperkukuhkan program jalinan usahasama antara sesama usahawan dalam mengusahakan makanan halal dengan menggunakan teknologi moden. Dengan ini produk yang terhasil lebih bertahan lama, lebih banyak dan lebih berkualiti.

HARGA

Harga didefinisikan sebagai nilai pertukaran barangan atau perkhidmatan dengan apa yang diperlukan dalam pasaran. Cara meletakkan harga yang betul pada sesuatu barangan atau perkhidmatan menjadi komponen utama dalam strategi pemasaran yang berjaya. Matlamat perletakan harga adalah untuk memaksimumkan keuntungan, meningkatkan syer pasaran, menghabiskan stok dan meningkatkan imej syarikat (Sabri 2005: 273-275).

Terdapat beberapa strategi meletak harga, antaranya; penembusan harga iaitu meletakkan harga yang rendah supaya produk mampu dibeli oleh pembeli secara menyeluruh, tarahan harga iaitu meletakkan harga yang tinggi pada peringkat awal dan menurunkan harganya secara berperingkat-peringkat, dan harga pesaing iaitu kaedah meletakkan harga berpendukan harga yang ditetapkan oleh pesaing (Sabri 2005: 281-282).

Pembungkusan sesuatu produk berfungsi sebagai *container* yang akan memuat dan melindungi produk supaya selamat dan tidak rosak. Namun, pada masa yang sama, ia juga mengambil kira beberapa aspek lain:

- 1 Mempromosi produk melalui rekabentuk, warna, lukisan, grafik yang dapat memberikan gambaran baik kepada pengguna.
- 2 Memperkenalkan identiti korporat atau syarikat melalui logo atau jenama.
- 3 Memberi maklumat tentang produk termasuk bahan yang digunakan, berat atau bilangan kandungan, cara penggunaan dan logo halal.
- 4 Mudah untuk dibawa dan penyimpanan.
- 5 Mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan pihak berkuasa.

PROMOSI

Promosi ialah cara organisasi atau syarikat berkomunikasi dengan audien atau pelanggan mereka. Komunikasi ini berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada secara bersemuka atau tidak bersemuka dengan matlamat untuk melariskan jualan produk, memperkenalkan produk atau menaikkan imej melalui pendedahan yang kerap. Promosi boleh berlaku melalui pengiklanan, publisiti, jualan bersemuka dan promosi jualan (Sabri 2005: 286).

Kemelesetan ekonomi dunia dan negara hari ini memberi kesan kepada perniagaan kecil. Pengusaha kecil perlu mengadakan langkah-langkah promosi yang agresif dan bersesuaian bagi membuat masyarakat tahu akan kewujudan produk mereka lebih-lebih lagi dengan keadaan ekonomi negara dan dunia yang tidak menentu. Oleh kerana bajet pengiklanan semakin menguncup *MALIM* Bil. 10 (2009) 205 mengakibatkan bajet pengiklanan akhbar dan radio tidak menjadi pilihan pengusaha kecil kerana kekangan kewangan. Sebagai kesannya, hari ini internet semakin relevan kerana ia adalah alternatif terbesar menawarkan pengiklanan termurah dan berpanjangan kepada para pengusaha kecil.

Ini terbukti menerusi kaji selidik yang dilakukan oleh *kursusperniagaan.com* ke atas *Lelong.com.my* yang mengesahkan penemuan berlakunya peningkatan pengguna ke laman web peniaga daripada 46 peratus sehingga 236 peratus, manakala laman web Lelong telah dilawati seramai 100,000 pengunjung sehari dan 84 peratus daripada mereka terdiri daripada yang berusia 20 sehingga 39 tahun (http://www.niaganews.com/Info_Niaga/Servis/140.html).

Para pengusaha kecil harus bijak memilih kaedah pengiklanan yang sesuai dengan keberkesanan yang maksimum. Penggunaan papan tanda dan risalah-risalah

yang diselitkan di dalam akhbar atau diedarkan di kawasan berhampiran termasuk promosi jualan umpamanya bualan dari mulut ke mulut adalah salah satu medium promosi barangan yang terbaik dan murah. Ambil peluang daripada bantuan kewangan dan kepakaran dalam mempromosi produk yang disediakan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan.

PENGEDARAN

Pengedaran adalah satu proses memindahkan barangan dari pusat pengeluar kepada pengguna di lokasi dan masa yang dikehendaki oleh mereka melalui saluran pengedaran yang tepat dan pada tingkat kos yang paling minimum (Sabri 2005: 299-300). Pengusaha harus bijak memilih saluran yang paling tepat termasuk aspek pengangkutan dengan kadar kos yang paling minimum namun perlu memastikan produk barangan mereka sampai kepada pelanggan mengikut masa dan tempat yang betul.

Pengedaran produk ini adalah amat penting kepada perniagaan kerana kebanyakan produk peratus margin pengedaran berupaya melambung sehingga 85% seterusnya menjadikan produk tersebut mahal kepada pasaran. Dengan keupayaan mengurangkan peratus margin pengedaran, sesuatu produk berupaya bersaing dengan menawarkan harga yang lebih murah kepada pasaran. Cara pengedaran yang memerlukan pembeli menunggu terlampau lama harus ditukar agar pembeli mendapat khidmat dan produk secara efisien.

KESIMPULAN

Kepentingan dan peranan industri kecil pembuatan makanan tidak dinafikan mampu mewujudkan, mengembangkan dan memperkukuhkan lagi struktur asas *MALIM* Bil. 10 (2009) 206 pembangunan industri makanan halal di Malaysia. Kejayaan negara dalam menerajui pembangunan sistem halal dalam sektor makanan hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha kecil yang rata-ratanya terlibat industri pembuatan makanan. Aspek pemasaran dalam bidang keusahawanan merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh usahawan kecil kerana kekurangan modal dan kurangnya ilmu strategi pemasaran. Masalah pemasaran dan pasaran selalu menjadi halangan kepada industri kecil untuk berkembang.

Justeru, pengusaha kecil perlu memberi penekanan yang

lebih kepada aspek pemasaran mereka. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perniagaan mereka, pelbagai bantuan daripada pihak kerajaan seharusnya dapat membantu industri kecil makanan halal menghadapi apa jua cabaran perniagaan ke arah yang lebih cemerlang. Jenis-jenis bantuan seperti kemudahan bantuan kewangan, bantuan teknikal dan khidmat nasihat, pengiktirafan halal, pendaftaran pemilikan harta intelek, pasaran dan pemasaran seringkali didedahkan kepada pengusaha kecil. Tidak ketinggalan juga komitmen dari pengusaha untuk memajukan diri sendiri dengan sanggup mencari dan mengamalkan teknologi bersesuaian secara berterusan untuk mengeluarkan produk makanan yang bermutu tinggi, selamat dimakan, kos efektif dan boleh bersaing di pasaran global. 🍌



PELUANG-PELUANG YANG WUJUD BAGI PENGUSAHA KECIL MAKANAN HALAL

- 1** Para pengusaha kecil perlu mendaftarkan hak milik intelek atau produk mereka agar hak mereka sebagai pengusaha terjamin. Ini kerana mereka sering ditipu dan hak milik intelek (penjenamaan produk) mereka dicuri tanpa pembelaan yang sewajarnya.
- 2** Mendapatkan pensijilan halal bagi hasil produk makanan amat penting bagi menembusi pasaran luar sebagai contoh memasarkan ke pasaraya-pasaraya besar. Ini penting memandangkan senario hari ini yang meletakkan tanda halal JAKIM atau JAIN sebagai salah satu syarat untuk meyakinkan pembeli Islam membeli barangan mereka.
- 3** Pengusaha kecil perlu berani bersaing dalam pasaran yang lebih global selaras dengan rancangan terperinci Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) untuk tempoh 2006-2020 dan strategi yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) 2011-2015.
- 4** Kewujudan pasaraya besar tempatan dan asing serta rangkaian peruncitan besar menyediakan saluran tambahan kepada industri kecil untuk memasarkan produk dan jenama mereka.
- 5** Peluang untuk berkongsi pengalaman dan pendapat sesama usahawan mampu membantu para pengusaha kecil untuk memasarkan barangan mereka.

KELEMAHAN DAN ANCAMAN DIHADAPI PENGUSAHA KECIL MAKANAN HALAL

- 1** Kebanyakan pengusaha kecil ini kurang mempunyai ilmu tentang kepentingan mendaftarkan hak milik (harta) intelek mereka dan ini terbukti di mana tiada seorang pun responden yang telah mendaftar di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Menerusi temubual yang dijalankan, sesetengah responden menyatakan kesukaran mendaftarkan harta intelek mereka kerana kos pendaftaran yang tinggi.
- 2** Kebanyakan responden yang terdiri daripada golongan pengusaha kecil Melayu Islam tidak merasakan keperluan mendapatkan pensijilan halal bagi produk keluaran mereka kerana bagi mereka barangan mereka telah sedia halal. Ini terbukti apabila hanya 7 orang sahaja daripada 22 orang responden yang telah mendapat pensijilan halal.
- 3** Masalah kekurangan modal dialami oleh kebanyakan pengusaha kecil. Walaupun banyak bank dan agensi kewangan menyediakan pelbagai kemudahan pinjaman namun yang menjadi penghalang ialah tiadanya cagaran atau penjamin yang sesuai dan tiadanya rekod perniagaan kerana sistem pengurusan yang lemah hingga permohonan pinjaman mereka ditolak. Ini jelas sebagaimana kajian yang telah dibuat oleh Moha Asri (1999).
- 4** Walaupun pengusaha kecil mudah mendapatkan bekalan bahan mentah yang banyak, namun sesetengah mereka kekurangan modal kerana kenaikan harga bekalan bahan mentah yang mendadak.
- 5** Kebanyakan responden mengakui bahawa untuk mendapat khidmat nasihat memerlukan kos yang tinggi. Menerusi temubual yang dijalankan, mereka menyatakan mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menghadiri seminar atau bengkel khidmat nasihat. *MALIM Bil.* 10 (2009) 195.
- 6** Kekurangan tunjuk ajar dan perkongsian pendapat juga membawa kepada kelemahan pengusaha kecil akibat kurangnya jalinan kerjasama antara sesama usahawan.
- 7** Kaedah dan peralatan tradisional dalam menghasilkan produk yang digunakan oleh pengusaha kecil menyukarkan mereka bersaing di pasaran kerana kaedah tradisional ini lambat dan hasil produk yang dikeluarkan tidak dapat memenuhi permintaan yang banyak. Masalah ini berpunca daripada rasa kurang yakin pengusaha kepada teknologi moden dengan alasan untuk mengekalkan keaslian di samping kurang berkemampuan mendapatkan mesin yang moden.
- 8** Masalah pemasaran dan promosi barangan amat ketara kerana kebanyakan pengusaha kecil hanya menjadikan perniagaan mereka sekadar perniagaan kecil-kecilan di mana produk mereka hanya dipasarkan di sekitar kampung sahaja. Reka bentuk barangan yang tidak menarik serta kekurangan modal untuk mempromosikan dan mengiklankan barangan juga menyumbang kepada masalah ini.

Sumber:

SAZELIN ARIF, *Keupayaan Pemasaran dalam Kalangan Pengusaha Kecil Makanan Halal di Melaka Tengah: Satu Kajian Awal* *MALIM Bil.* 12 (2010) Pusat Bahasa & Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).



INDUSTRI BURUNG WALET

Industri walit bukan satu industri yang baru di Malaysia, namun sejak kebelakangan ini, penuaian sarang burung ini telah diusahakan secara besaran-besaran dan memberi pulangan yang menguntungkan. Dalam tempoh lebih sedekad ini, pengusaha-pengusaha telah menerokai kaedah-kaedah dan teknologi-teknologi baru dalam industri ini untuk mempertingkatkan pengeluaran. Ianya perladangan yang mesra alam dan berkonsepkan industri hijau.

Di Malaysia, sarang Burung Walit telah menjadi antara eksport komoditi utama pertanian. Sehingga akhir tahun 2007 dianggarkan terdapat lebih dari 20,000 premis burung ini di Malaysia. Adalah dijangka angka ini bertambah seiring dengan pertambahan pengetahuan pengusaha dan orang ramai tentang industri ini. Anggaran harga sarang burung mentah sekilo dipasaran adalah di antara RM3,000.00 - RM7,500.00 dan boleh mencapai harga antara RM10,000 - RM18,000 untuk yang telah siap diproses. Penuaian sarang burung ini juga kini menjadi antara yang terbesar di kalangan negara-negara Asia Tenggara selain Indonesia. Permintaan bagi pasaran sarang burung banyak diterima dari negara-negara asia seperti Taiwan, China, Hong Kong dan Singapura.

Pasaran global untuk sarang burung walit mencecah RM10.2 bilion setahun, dan Malaysia pada masa ini berada pada kedudukan pengeluar kedua terbesar dengan nilai jualan sebanyak RM1.5 bilion. Daripada perspektif pengguna, hasil konsisten dari Malaysia membawa 20 peratus lebih di pasaran global berbanding pesaing besar kita, Indonesia, disebabkan oleh kualiti yang lebih tekal. Meskipun industri tempatan telah menyaksikan pertumbuhan pesat pada kadar purata 20 peratus setahun sejak awal tahun 2000an, prospek masa hadapan agak gelap akibat pengawalseliaan

yang tidak ketat, pengurangan bilangan burung walit liar dan ketiadaan penyelidikan dalam pembangunan produktiviti dan penggunaan hiliran.

Untuk membina status Malaysia sebagai pembekal yang diiktiraf dan menyelesaikan cabaran besar dalam industri, kerajaan menyasarkan untuk menguasai 40 peratus daripada pasaran global menjelang tahun 2020 melalui penambahan pengeluaran daripada 290 metrik tan kepada 870 metrik tan dan peningkatan pemprosesan domestik dalam produk hiliran.

Daripada aspek mengenalpasti, menilai serta memilih peluang-peluang perniagaan oleh seseorang Usahawan, Industri Sarang Burung Walet adalah berpotensi berdasarkan faktor-faktor berikut, iaitu:

- 1) Kelulusan Pihak Kerajaan
- 2) Pengeluaran Lesen
- 3) Penglibatan Agresif Pihak Swasta
- 4) Permintaan Melebihi Penawaran
- 5) Harga Sarang Burung Sangat Mahal
- 6) Modal Sekali : Untung Selama-Lamanya
- 7) Tambah Nilai Hartanah (Rumah Burung Walet)
- 8) Terdapat Di Kawasan ASEAN Sahaja
- 9) Pemiakan Secara Semulajadi
- 10) Daya Saing Sama Antara Bumiputera Dan Bukan Bumiputera
- 11) Komitmen Paling Minima
- 12) Risiko Hampir 'O'
- 13) Keuntungan 90% Dari Perolehan



Sarang burung dipercayai kaya dengan kalsium, zat besi, potassium, dan magnesium yang amat berguna kepada kesihatan. Industri burung layang-layang di Malaysia telah menyaksikan lantunan serta lonjakan pertumbuhan dalam tempoh lima tahun ini. Akan tetapi ianya amat berkurangan di kalangan usahawan bumiputra kerana itulah industri ini disifatkan sebagai industri yang dirahsiakan, ianya telah lama dimonopoli oleh usahawan bukan bumiputra yang melihat potensi kekayaan yang wujud dari bidang ini, mereka sanggup mengeluarkan modal jutaan ringgit untuk dilaburkan. Kebanyakan rumah-rumah burung dibina di bandar-bandar kecil di mana sumber makanan yang banyak pada tahap pencemaran yang masih rendah. Kerajaan negeri Perak misalnya, menawarkan 10 kawasan berpotensi untuk dibangunkan industri ini, manakala negeri Johor mencadangkan sebuah taman eko burung layang-layang di Endau dan Desaru. Kerajaan Negeri Sembilan juga menunjukkan minat yang sama untuk membina sebuah



Sehingga akhir tahun 2006, terdapat hampir 36,000 buah rumah burung layang-layang di seluruh negara dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 35% setahun sepanjang tempoh lima tahun lepas.

taman bagi tujuan tersebut.

AgroBank menawarkan pembiayaan sehingga 85% berikutan industri sarang burung kini menjadi sebahagian daripada industri berasaskan tani. Suruhanjaya Koperasi Malaysia pula telah mengiktiraf enam buah syarikat industri sarang burung layang-layang bagi menjalankan usahasama perniagaan di bawah program pepadanan perniagaan. Sehingga akhir tahun 2006, terdapat hampir 36,000 buah

rumah burung layang-layang di seluruh negara dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 35% setahun sepanjang tempoh lima tahun lepas. Jumlah nilai pengambilan sarang burung di seluruh dunia pada tahun 2008 dianggarkan RM9 billion sehingga RM113.5 billion.

Hong Kong merupakan pembeli sarang burung terbesar iaitu 50% manakala China 8%, Taiwan 4% dan Macau 3% dengan jumlah pengambilan kira-kira 160 tan pada tahun 2006. Akan tetapi permintaan ini tidak termasuk negara-negara Eropah dan Arab disebabkan pembekalan yang tidak mencukupi. Harga sarang burung putih yang belum diproses dijual pada harga RM4,500 hingga RM6,000 sekilogram pada 2006. Harganya berganda lebih tinggi di China dan Hong Kong. Malaysia kini merupakan pengeluar sarang burung dengan nilai pembekalan kasar sebanyak 7% selepas Indonesia 60% dan Thailand 20%. Burung Walet merupakan burung pemakan serangga yang bersifat aerial dan suka meluncur. Burung ini berwarna gelap, terbangnya cepat dengan ukuran tubuh sedang / kecil, dan memiliki sayap berbentuk sabit yang sempit dan runcing, kakinya sangat kecil begitu juga

Jumlah nilai pengambilan sarang burung di seluruh dunia pada tahun 2008 dianggarkan RM9 billion sehingga RM113.5 billion.



paruhnya dan jenis burung ini tidak pernah hinggap di pohon. Burung walet mempunyai kebiasaan berdiam di gua-gua atau rumah-rumah yang cukup lembab, remang-remang sampai gelap dan menggunakan langit-langit untuk menempelkan sarang sebagai tempat beristirahat dan berbiak. Hasil dari perternakan walet ini adalah sarangnya yang terbuat dari air liurnya (*saliva*). Sarang walet ini selain mempunyai harga yang tinggi, juga dapat bermanfaat bagi dunia kesihatan. Sarang walet berguna untuk menyembuhkan paru-paru, panas dalam, melancarkan peredaran darah dan penambah tenaga. Sifat-sifat yang ada pada sarang burung adalah rasa manis, lembut dan sesuai untuk penyakit yang berkaitan paru-paru, perut dan hati. Fungsi sarang burung pula menghasilkan yin untuk mengurangkan kekeringan, menghasilkan tenaga dan menguatkan fungsi SPLEEN perut.

Penggunaan sarang burung ini untuk mengubat masalah penghadaman, *tuberculosis* (batuk kering), batuk, *phlegm-dyspnea* (kesusahan bernafas), asma, *hemotysis* (batuk berdarah), *hematoma* (penyakit berkaitan sel-seldarah), *prolonged dysentery*, demam malaria yang kronik, *dysphagia* (masalah menelan), lemah secara umum, batuk kering, batuk berdarah, muntah darah, berpeluh malam, masalah dada, dahaga dan lain-lain lagi. Bagi masalah kurus, kurang selera makan, masalah perut berpunca dari sakit berpanjangan. – Rebus sarang burung dengan susu atau dengan ayam atau jus daging. Keringkan sarang burung di dalam air sejuk, tukar air sekali dan rendam dalam air selama 5 ke 6 jam. Bersihkan bulu dan bahan-bahan lain yang terdapat pada sarang tersebut, alihkan bagi mengeringkannya. Kemudian kerat dan letakkan di dalam mangkuk yang besar dengan secawan air bagi setiap 20 gram. Rebus dengan kepanasan yang sederhana selama 15 minit, kemudian tambah gula batu atau garam secukup rasa. Terdapat pelbagai cara untuk menyediakan sarang burung ini dan ia bergantung kepada citarasa masing-masing. Cara yang biasa dilakukan ialah dengan merebus sarang burung ini sebanyak dua kali di dalam porcelainpot. Pada



awalnya proses *soaked* dilakukan selama satu jam didalam air panas untuk membolehkan sarang mengembang. Untuk penyediaan sarang ini kepada orang dewasa, sarang kering yang mempunyai berat 4 ke 5 gram adalah disyorkan. Sarang ini hendaklah di masak sebanyak satu setengah cawan sekurang-kurangnya 2 jam bergantung kepada gred sarang burung yang digunakan. Sarang yang berkualiti tidak memerlukan masa yang lama untuk dimasak. Gula batu ditambah bagi bagi menambahkan rasa semasa 10 minit terakhir masakan tersebut. Sesetengah orang gunakan daun pandan ataupun ginseng bagi menambahkan lagi rasanya. Cara pemasakan ini disyorkan bagi mereka yang telah melalui proses pemulihan terapi. Sarang burung yang dikukus perlu dihidang semasa masih panas dan sudu porcelain digunakan sebelum tidur dan disyorkan diambil pada awal pagi untuk kesan maksimum. ☺



Sumber:
AVM usahawantani.com37
www.moa.gov.my
www.gembs.com/



KELANTAN ANJUR EKSPLO PERDAGANGAN INDUSTRI KREATIF ISLAM ANTARABANGSA

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU - Kelantan sekali lagi melangkah ke hadapan dalam industri kreatif dengan menganjurkan Ekspo Perdagangan Industri Kreatif Islam Antarabangsa Kelantan 2012 (KITE 2012) yang telah berlangsung pada 19 hingga 29 Januari lalu di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke IV.

Ekspo yang telah dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan ini diadakan bersempena dengan Tahun Melawat Kelantan 2012.

Ekspo KITE 2012 ini merupakan projek perintis bagi pembangunan industri kreatif negeri Kelantan seterusnya menjadi pemangkin bagi memupuk minat dan meningkatkan kesedaran potensi-potensi industri kreatif di kalangan generasi muda.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dipertanggungjawabkan sebagai Sekretariat seminar



yang meliputi Seminar Ekonomi dan Perdagangan Kreatif, Seminar Pendidikan Kreatif dan Seminar Perfileman.

Seminar selama 4 hari ini menampilkan para penceramah yang berkaliber dan berpengaruh seperti YBhg. Tan Sri Ali Bin Haji Hashim (DPIM), YM Raja Aznil Raja Hisham (University Of Lim Kok Wing) dan Ybrs. Dr. Abu Hassan Hasbullah telah memberi peluang dan pengetahuan yang berharga untuk peserta seminar menceburkan diri dalam bidang industri kreatif.

Selain seminar turut diadakan pelbagai acara lain seperti forum, persembahan kebudayaan dan pameran yang turut disertai oleh Syarikat Kumpulan PKINK seperti ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB) dan Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK) serta lain-lain agensi. 🌟

USAHAWAN PKINK SERTAI PESTA PULAU PINANG

Oleh: Bahagian Pembangunan Usahawan



PULAU PINANG - Pesta Pulau Pinang 2011 yang telah diadakan pada 28 November 2011 hingga 2 Januari 2012 bertempat di Sungai Nibong, Pulau Pinang turut disertai oleh Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK yang telah dipilih untuk mengurus kendali program ini yang dibuat secara giliran untuk tempoh seminggu.

6 pengusaha beserta produk yang berpotensi dan sesuai menyertai pesta tersebut. Antara produk-produk tersebut ialah Sarang Burung Walit, Minyak Mestika, Jus Mengkudu dan sebagainya.

Penyertaan usahawan Kelantan ini telah memberi peluang kepada mereka untuk menimba pengalaman dan ilmu perniagaan daripada usahawan-usahawan lain seluruh negara melalui perbincangan dan padanan perniagaan.

Pada keseluruhannya, Pesta Pulau Pinang ini yang dijadikan acara tahunan bagi Negeri Pulau Pinang telah memberi impak yang besar kepada usahawan-usahawan di mana mereka dapat meluaskan pemasaran dan mempromosikan produk-produk mereka.

Ekspo Pesta Pulau Pinang telah berjaya memberi manfaat kepada usahawan PKINK di bawah bimbingan Bahagian Pembangunan Usahawan dan berharap agar diberi peluang menyertainya dimasa akan datang. 🌟

PROGRAM BANTUAN BERAS PERCUMA SKIM AL-IT'AM

Bantuan beras percuma untuk rakyat miskin



Bermula

Februari 2011

Peruntukan

RM 2.5 juta

Penerima

**180 keluarga miskin
bagi setiap Dewan
Undangan Negeri**

Urusetia Program

**Kumpulan
Pertanian**

Kelantan Berhad

Syarikat milik penuh PKINK





KEJUJURAN: KUALITI TERHEBAT SEORANG PEMIMPIN



Oleh : **A. Ubaidillah bin Alias**

SAIDINA Umar R.A. pernah cuba menguji kejujuran seorang hamba yang masih kecil, dia bekerja sebagai pengembala kambing. Saidina Umar berkata “Wahai budak, bolehkah aku mengambil seekor kambing yang ada di sini. Lalu aku bayar kepadamu dengan harga sekian-sekian. Apabila tuanmu datang, katakan bahawa kambing itu dibaham serigala.”

Lalu budak itu menjawab, “Sesungguhnya kambing ini milik tuanku dan aku tidak boleh menjualkannya kepada sesiapa atau memberikannya tanpa izin tuanku” Lalu segera Saidina Umar berkata “Tuanmu tiada di sini, hanya kita berdua sahaja. Biarlah aku mengambilnya dan akan kuberikan engkau bayaran sekian-sekian.” Ujar Umar seolah-olah mahu merasuhannya.

Budak itu menjawab, “Sekalipun tuan aku tiada di sini, namun tuhan bagi tuanku iaitu Allah sentiasa

melihat dan mengetahuinya.” Setelah mendengar jawapan itu. Saidina Umar menanti tuan pengembala kambing itu datang. Lalu dibeli budak itu untuk dimerdekakannya disebabkan kejujuran yang dimiliki.

Kejujuran adalah aset terbesar dalam membina kerjasama dan membentuk kepimpinan yang mantap. Kejujuran juga merupakan satu daripada empat sifat yang wajib dimiliki oleh para nabi. Ini menunjukkan betapa kritikalnya nilai sebuah kejujuran dalam kehidupan. Hal ini turut ditekankan oleh bekas Presiden Amerika ke-34 iaitu Dwight David Eisenhower “*The supreme quality for leadership is unquestionably integrity. Without it, no real success is possible, no matter whether it is on a section gang, a football field, in an army, or in an office.*”

Kita tidak hairan apabila nabi SAW bersabda “Peniaga yang benar dan amanah akan bersama para

nabi dan rasul (di akhirat)”. Ini kerana kemampuan berlaku jujur dan benar dalam semua situasi adalah sesuatu yang hampir mustahil dalam dunia korporat sekarang. Menyedari bahawa usahawan bukan sekadar tukang cari duit. Malah mereka juga perlu memimpin masyarakat dengan nilai kefahaman dan integriti yang tinggi. Khususnya bagi usahawan muslim, wajar baginya untuk mengekalkan momentum kejayaan dalam membina empayar perniagaan sambil memakai karakter kepimpinan yang berkualiti.

Realitanya, budaya berbohong, menipu dan memanipulasi menyelubungi dunia perniagaan. Khususnya bagi seorang Islam, masing-masing tahu pembohongan adalah kemungkaran. Bahkan nabi SAW menegaskan bahawa “Tiada iman bagi mereka yang tiada amanah”. Kenyataan nabi yang sangat jelas menyatakan pembohongan adalah

pengkhianatan. Bahkan dalam satu sabda yang lain nabi menyebut “Sesiapa yang menipu kita dalam apa jua perkara, maka dia bukan dari kalangan (Umat) kita”.

Pengkhianatan adalah perpecahan. Kejujuran adalah kesepakatan. Masyarakat yang bersatu hati hanya muncul dari jiwa yang saling percaya. Untuk membuat manusia percaya, ia memerlukan lebih dari kejujuran. Ia memerlukan kemahiran. Seorang

nabi SAW yang mengajarkan kita tentang adab berjiran. Apatah lagi jika kita mendalami perbahasan hukum jual beli di dalam Islam, pasti kita akan menemukan prinsip adil dan saksama. Saidina Umar R.A pernah menyebut kepada kaum muslimin sewaktu dia melawat sebuah pasar di Madinah “Tidak boleh berniaga di pasar ini melainkan orang yang faqih(Mahir soal hukum-hakam jual-beli)”. Bukankah ini jelas menunjukkan bahawa seorang

orang bawahannya untuk melakukan sesuatu dengan lebih ghairah dan cemerlang. Sehingga melahirkan natijah yang sangat membanggakan.

Ukuran kepemimpinan itu boleh dilihat dari sudut keberhasilan dan keuntungan yang dicapai. Sebagaimana Peter Drucker menyebut “*Effective leadership is not about making speeches or being liked; leadership is defined by results not attributes.*” Maka soalan yang perlu

Pengkhianatan adalah perpecahan. Kejujuran adalah kesepakatan. Masyarakat yang bersatu hati hanya muncul dari jiwa yang saling percaya.

penipu mampu membuat orang percaya dengan kata-kata dustanya. Maka seorang yang jujur, perlu lebih mahir untuk membuat orang percaya akan kebenaran kata-katanya. Barulah dia menjadi pemimpin yang kuat. Mahatma Gandhi pernah menyebut “*I suppose leadership at one time meant muscles; but today it means getting along with people*” Anda perlu tahu menawan hati orang untuk terus memimpin.

Wolfgang Von Goethe menyebut “*A great person attracts great people and knows how to hold them together.*” Kepimpinan adalah kemampuan menguasai pemikiran dan memegang orang sekeliling agar mampu istiqamah dalam misi yang diperjuangkan. Untuk mendapatkan kemampuan itu, maka seseorang perlu mendalami ilmu yang berkaitan dengannya. John F Kennedy berkata “*Leadership and learning are indispensable to each other.*”

Nabi SAW menyebut “Ilmu adalah imam kepada amalan dan amalan itu adalah makmumnya”. Ilmu adalah kunci kejayaan, namun hakikatnya ramai sudah mengabaikan pembudayaan ilmu. Kepimpinan sekarang sangat malas dalam soal pembacaan dan pengkajian. Majoriti pihak pengurusan tidak membaca dan mengkaji bidang yang mereka tempuhi. Mereka terpinga-pinga dengan kerja yang patut mereka lakukan.

Lihat sahaja betapa banyak hadis

yang jahil, tidak layak untuk berniaga apatah lagi menjadi usahawan. Kenyataan Saidina Umar itu adalah satu penegasan bahawa hanya yang berilmu dan berkemahiran akan berjaya dalam dunia perniagaan.

Pepatah inggeris menyebut “*Management is doing things right; leadership is doing the right things.*” Ia bermaksud mengurus anggota untuk melakukan sesuatu dengan betul. John Rim berkata “*A good objective of leadership is to help those who are doing poorly to do well and to help those who are doing well to do even better.*” Pemimpin yang berkesan adalah pemimpin yang membimbing

ditanya, apakah yang sudah kita hasilkan sepanjang menjadi seorang usahawan dan pemimpin?

Jawablah dengan kejujuran. Jika kita jujur, kita akan mengetahui gambaran sebenar hati kita. Nabi Saw pernah bersabda “Kamu lebih tahu selok-belok urusan dunia kamu” kenyataan nabi itu sebagai satu teguran bahawa manusia sebenarnya berupaya mentadbir dengan baik jika mereka jujur. Mereka lebih tahu apakah kesilapan yang berlaku dalam pengurusan dunia mereka. Hanya dengan kejujuran, mereka akan mampu memperbaikinya dan melakukan lebih baik dari semalam. Insyallah! 🙏





KURSUS INDUKSI ANGGOTA BARU KUMPULAN PKINK

KOTA BHARU - Pada 17 & 18 Mac 2012 (SABTU & AHAD), Unit Latihan PKINK telah menganjurkan kursus induksi kepada 59 orang anggota baru sama ada dari ibu pejabat dan kumpulan PKINK. Kursus ini berjalan selama 2 Hari 1 Malam di Perdana Resort.

Majlis itu telah dirasmikan oleh YABrs Tuan Haji Mohd Sabri bin Abdullah selaku Ketua Ekskeutif kumpulan PKINK. Beliau dalam ucapan perasmian memberikan penekanan kepada teras penjawat awam di Kelantan yang berpaksikan kepada Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (U.M.I). Dengan harapan bahawa paksi tersebut akan memberikan momentum kepada spiritual anggota, sekaligus meningkatkan keuntungan fizikal kumpulan PKINK.

Majlis itu disertai oleh 59 peserta daripada 9 kumpulan yang berlainan. Peserta dari ibu pejabat adalah seramai 13 orang, SPP Development Sdn Bhd 6 orang, Infra Quest 7 orang, Binaraya 6 orang, UB Consult 3 orang, Kelkon Sdn Bhd 2 orang, Ladang Sungai Terah 15 orang, Permodalan Kelantan Berhad 4 orang, Kijang Kuari 4 orang.

Program berjalan seperti berikut :

- Taklimat PKINK & Perjawatan oleh Puan Azila Ariffin (Wakil Pengurusan Sumber Manusia)
- Taklimat Kelakuan dan Tatatertib, Puan Hajjah Ahlaami Abd Halim (Penasihat undang-undang)
- Taklimat PKINK : Satu Pengenalan, Puan Hijh Nik Farzimar Nik Omar. Pengurus Perancangan korporat Pembentukan Kumpulan
- Bola Tampar Pantai / Bola Sepak Pantai
- Kuliah Maghrib "Pengurusan Stress Dalam Islam" Ustaz Nor Azariza (Ustaz Ja)
- Pembentangan : Kod Etika Penjawat Awam (Dr Abdullah Sudin)
- Dasar Ekonomi Nubuwwah (DEN), YBhg Ustaz Asri Mat Daud, (Pensyarah KIAS)
- "Al-Qawiyyul Amin berasaskan U.M.I." Dr Hj Yaacob bin Yusof (Pendaftar KIAS)
- Pengurusan Kewangan, Perolehan & Harta Kerajaan (YBrs Azi Rahimee bin Mohamed)



Penutupan program ini dirasmikan oleh YBrs Tuan Haji Zainal Abdul Rahim selaku timbalan Ketua Eksekutif PKINK. Beliau mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada semua calon. Pada akhir sesi, majlis penyampaian hadiah dijalankan kepada pemenang kuiz dan sukan. Akhirnya, semua peserta bergambar dengan Timbalan Ketua Eksekutif dan pihak urusetia. Majlis bersurai sekitar jam 5.15 petang. 🌟

ABSEILING 46 KSEDC *catat sejarah*

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU - Program 'Abseiling 46 KSEDC' yang berlangsung di bangunan Menara Perbadanan, di sini pada 24 Mac lalu mencatat sejarahnya tersendiri apabila menjadi acara sukan lasak pertama dianjurkan agensi kerajaan di Negara ini.

Bukan itu sahaja, dengan ketinggian mencecah 166 kaki daripada aras bumi atau menyamai bangunan setinggi 12 tingkat, program abseiling itu juga turut disifatkan yang tertinggi pernah diadakan di Pantai Timur.

Program anjuran Biro Rekreasi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK disertai 76 peserta terdiri daripada anggota Kumpulan PKINK selain Sukarelawan Tahun Melawat Kelantan (TMK) 2012 dan anggota Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Kelantan.

Turut serta, penuntut Politeknik Kota Bharu, Kolej Poly Tech Mara (KPTM) Kota Bharu dan orang perseorangan. Program itu dianjurkan sempena ulang tahun PKINK kali ke-46 dan Tahun Melawat Kelantan (TMK) 2012.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Takiyuddin Hassan di dalam ucapan perasmian menyambut baik penganjuran acara sukan lasak tersebut yang julung kali diadakan di negeri ini.

"Ia bukan sahaja dapat menghidupkan kembali sukan ekstrem tersebut tetapi pada masa yang sama



dapat mempromosikan Tahun Melawat Kelantan (TMK) 2012 yang sedang berlangsung sekarang.

"Kalau pada tahun ini kita mencatat ketinggian 166 kaki, tahun depan mungkin kita perlu mencari bangunan yang lebih tinggi di sekitar bandar Kota Bharu ini bagi memecahkan rekod ini.

"Aktiviti ini sesuai dimasukkan dalam program Jambori Volkswagen Malaysia yang akan diadakan Mei depan dan program himpunan 1,500 motosikal berkuasa tinggi menjelang Julai depan. Mungkin lebih baik sekiranya mengadakan pelbagai acara yang dimulakan dengan abseiling seperti menuruni tangga bangunan dan disusuli dengan mengayuh perahu menyeberangi Sungai Kelantan serta apa sahaja aktiviti yang dirasakan

sesuai," katanya.

Sementara itu Pengarah Program, Mohd Rozi Mohd Noor berkata, program yang diadakan ini berupaya memupuk semangat kental dalam kalangan peserta atau warga PKINK sendiri.

"Kami berharap sukan lasak ini diiktiraf Kerajaan Negeri sebagai sukan lasak bagi membolehkan kita mengembangkan lagi sehingga menjadi tumpuan peserta profesional dari luar negara," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK, Haji Zainal Abd Rahim, Pengarah Tourism Malaysia Kelantan, Zurina Abdul Samad dan Pengarah Program, Mohd Rozi Mohd Noor. 🍌





ADUN KELANTAN IKAT PKINK

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU – Seperti lazimnya perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan pasukan Adun Kelantan diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan antara Perbadanan dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Sehubungan itu, perlawanan tersebut telah diadakan di Stadium Sultan Muhammad IV pada 05 Mac lalu.

Dalam perlawanan tersebut, pasukan PKINK memberi tentangan sengit sebelum diikat dengan keputusan seri 1-1 dengan pasukan Adun Kelantan.

Pada separuh masa pertama, PKINK dilihat garang menyerang kubu pasukan Adun Kelantan dan hasilnya pada minit ke 30” Norzaiadha berjaya menjaringkan gol hasil gerakan menarik Tuan Nazir dan disudahkan dengan bergaya oleh Norzaiadha.

Tersentak dengan jaringan PKINK, Pasukan Adun Kelantan terus menggandakan asakan dan penyerang berbisa Adun Kelantan iaitu YB Dato’ Haji Wan Abdul Rahim berjaya melakukan larian solo menewaskan 3 pertahanan PKINK dan seterusnya merambat masuk untuk gol penyamaan pasukan Adun Kelantan.

Bermula separuh masa kedua, pasukan PKINK dilihat banyak menyerang biarpun terpaksa bermain dalam keadaan hujan lebat dan memaksa pasukan Adun Kelantan menukar beberapa pemain pertahanan untuk memperkuatkan barisan pertahanan.

Walaupun lebih banyak menyerang, pasukan PKINK gagal menemui sebarang jaringan gol kerana masalah ketumpulan di jentera serangan dan keputusan 1-1 kekal sehingga tamat waktu perlawanan.

Perlawanan ini diserikan dengan kehadiran Exco Negeri Kelantan, YB Hj. Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah yang turut serta bermain mewakili pasukan masing-masing.

PASUKAN KETUA EKSEKUTIF MENANG BERGAYA

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU – Satu perlawanan bola sepak antara pasukan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan pasukan Timbalan Ketua Eksekutif telah diadakan di Padang Perdana pada 15 Mac lalu bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan silaturrahim antara anggota PKINK.

Dalam perlawanan tersebut, pasukan Ketua Eksekutif diberi tentangan sengit sebelum berjaya menjinakkan pasukan Timbalan Ketua Eksekutif dengan kemenangan bergaya 2-1.

Pada separuh masa pertama, kedua-dua pasukan mempamerkan persembahan bersemangat dan bertenaga dengan aksi-aksi dan beberapa percubaan yang menarik sehingga memaksa keputusan seri tanpa jaringan sehingga tamat separuh masa pertama.

Selepas sepuluh minit separuh masa kedua dimulakan, pasukan Ketua Eksekutif berjaya membuka tirai jaringan pada minit ke- 55 sebelum menambah jaringan sepuluh minit kemudian.

Pasukan Timbalan Ketua Eksekutif berjaya mendapat jaringan saguhati pada minit ke-80 dengan keputusan kekal sehingga tamat perlawanan.

Perlawanan ini diserikan dengan kehadiran Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Mohd Sabri Abdullah dan Timbalan Ketua Eksekutif, Hj. Zainal Abdul Rahim.



BERNIAGA ITU FARDU KIFAYAH

Mempelajari dan menghasilkan sesuatu yang diperlukan dalam urusan di dunia, hukumnya adalah fardu kifayah.

Usaha ini diberi pahala oleh Allah yang dinilai sebagai ibadah berdasar kepada niatnya di samping melaksanakan segala perintah Allah demi untuk memudahkan atau mengatasi kesulitan hidup manusia. Ia pula tidak terbatas kepada memenuhi keperluan manusia sahaja bahkan meliputi kepentingan haiwan dan serta tumbuhan. Sebarang kesulitan atau dugaan yang dihadapi di sepanjang menjalankan fardu kifayah ini adalah merupakan suatu penghapusan dosa bagi orang berkenaan.

(Hadis Riwayat Bukhari)





AR-RAHN

SISTEM GADAIAN SYARIAH

KEANGGOTAAN
DAN KEAHLIAN
KINI DIBUKA



DARI RAKYAT KEPADA RAKYAT



فِرْعَوْنَ بْنِ كَلْبَةَ بْنِ مَرْثَدَةَ

PERMODALAN KELANTAN BERHAD

Dengan Kerjasama



**KOPERASI PERMODALAN
KELANTAN BERHAD** (D-5-0228)
(Program Francais)



**KOPERASI RAKYAT
KELANTAN BERHAD** (D-4-0527)
(Program Usahasama)

 www.krk.com.my



09-741 4332 / 743 2281



Koperasi Rakyat Kelantan KRKB



09-743 2280

LOT PT 448, TINGKAT 2, JALAN KUALA
KRAI, BATU 3, WAKAF CHE YEH, 15150
KOTA BHARU, KELANTAN.